

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **Kajian Citra dan Aspirasi Politik Komuniti Suluk Dr Zaini bin Othman, UMS Tahun 2013**

#### **Pendahuluan**

Pencerobohan ke atas ruang sempadan negara oleh sekumpulan pengganas yang mengelarkan diri mereka sebagai "Tentera Sultan Sulu" pada 9 Februari 2013 di Kampung Tanduo, Lahad Datu, merupakan ancaman keselamatan terhadap kedaulatan negara tahap tertinggi selepas Peristiwa Konfrantasi 1963. Walaupun peristiwa pencerobohan dan keganasan bersenjata di Lahad Datu tersebut telah berjaya di atasi secara struktural, iaitu melalui pendekatan penyelesaian militer oleh pihak keselamatan Malaysia, namun secara implisitnya, kewaspadaan dan pengurusan kawalan terhadap keselamatan kedaulatan negara memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh mencakupi aspek militeri dan non-militeri.

Dalam erti kata lain, aspek keselamatan kedaulatan negara tidak hanya boleh ditangani semata-mata berdasarkan kepada pendekatan militeri. Suatu dimensi yang boleh kita katakan sebagai "rahmat disebalik" pencerobohan tersebut adalah kesedaran terhadap keperluan untuk melihat ancaman terhadap keselamatan kedaulatan negara dari aspek yang lebih luas melangkaui aspek dan batasan militernisme. Laporan kaitan ini bertujuan untuk berkongsi dan merenung apakah aspek-aspek non-militeri yang perlu diambil sebagai pengajaran dan peringatan dalam usaha kita mengawasi dan mempertahankan kelangsungan Malaysia dalam abad ke-21 berpaksikan kepada peristiwa pencerobohan bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu Sabah dua yang lalu.

#### **Tragedi Berdarah Lahad Datu: Memahami Yang Tersirat**

Satu fakta sosial yang tidak boleh disangkal terbit dan berlegar dalam konteks ruang sosial masyarakat Malaysia, samada ruang sosial-tradisional ataupun ruang sosial-maya, khususnya di Sabah, adalah tanggapan sosio-politik dalam kalangan masyarakat awam yang mengait atau mensinonimkan tragedi pencerobohan dan berdarah Lahad Datu tersebut dengan etnik Suluk. Malah, pada peringkat awal operasi keselamatan dalam menangani pencerobohan tersebut turut ditermakan sebagai "Ops Suluk" oleh pasukan keselamatan Malaysia sebelum ia kemudiannya ditukarkan kepada terma "Ops Daulat", selepas menyedari betapa terma "Ops Suluk" tersebut membawa konotasi sosio-politik yang negatif terhadap etnik Suluk dalam konteks kepelbagaian dan kerencaman masyarakat Malaysia.

Dalam konteks sosiologikal dan minda kesedaran sejarah, khususnya di Sabah, etnik Suluk sering kali ditanggapi sebagai kelompok etnik yang kasar, ganas, pendendam dan paling banyak terlibat dalam kes-kes jenayah berat di negeri tersebut. Malah dalam konteks jenayah penyeludupan di perairan Sabah seperti senjata api, pelbagai jenis dadah dan manusia juga banyak dikaitkan dengan etnik Suluk. Hal ini seolah-olah menjadi "fakta" yang nyata, apabila majoriti etnik Suluk Sabah mendiami di kawasan perairan utama yang berdekatan dengan negara Filipina seperti di Sandakan, Lahad Datu dan juga Semporna.

Malah, berdasarkan kepada tinjauan dan temubual yang telah dijalankan empat (4) bulan selepas tragedi berdarah Lahad Datu terhadap komuniti Suluk yang mendiami di kawasan Lahad Datu dan juga Sandakan, rata-rata mereka merasa amat tidak senang dan kecewa terhadap kekeliruan dan salah tanggapan sosiologikal yang wujud terhadap komuniti Suluk yang dikaitkan secara langsung sebagai bertanggungjawab terhadap tragedi berdarah Lahad Datu. Ekoran daripada salah tanggapan sosiologikal tersebut, mereka merasakan semacam ada satu "gerakan sosial secara sistematis" meminggirkan etnik atau komuniti Suluk daripada ruang arus perdana sosio-politik dan juga sosio-ekonomi Malaysia, khususnya di Sabah selepas daripada tragedi berdarah tersebut. Misalnya, seorang guru agama berbangsa Suluk dari Kampung Silam, Lahad Datu, menyatakan kekecewaannya betapa permohonan anak beliau untuk menjawat jawatan di sebuah organisasi awam ditolak atas alasan berketurunan Suluk. Kes yang terdidi kepada guru agama tersebut bukanlah kes terpencil yang saya temui, semenjak melakukan kajian aspek aspirasi dan identiti politik dalam kalangan etnik Suluk lebih dari 7 tahun yang lalu. Banyak kes yang meluahkan kekecewaan dan "*ill-feelings*" yang sama ditemui dan rata-rata merasakan bahawa kelompok atau komuniti mereka seperti dipinggirkan ekoran daripada konotasi negatif yang dilontarkan kepada mereka.

Satu lagi kesan sosiologikal langsung yang wujud ekoran daripada tragedi berdarah Lahad Datu adalah perasaan psikologi yang bersifat penolakan-dalaman (*internal-dismissal*) yang wujud dalam kalangan komuniti Suluk, khususnya di Lahad Datu terhadap identiti mereka sendiri. Ekoran daripada peristiwa berdarah tersebut dan kebimbangan terhadap tanggapan negatif yang wujud terhadap komuniti atau etnik Suluk itu sendiri yang "bimbang" untuk menyatakan secara publik bahawa mereka adalah "etnik Suluk" atau "bangsa Suluk" atau "orang Suluk". Perasaan penolakan-dalaman ini menjadi kuat untuk memunculkan ekoran daripada kesedaran sosiologikal yang tertanam dalam kalangan masyarakat atau komuniti lain di Sabah yang kuat menanggapi bahawa etnik Suluk adalah bangsa pendatang daripada kepulauan selatan Filipina. Konotasi bahawa Suluk adalah bangsa pendatang adalah sangat kuat terpahat dalam minda sosiologikal masyarakat Sabah lainnya.

Bagaimana kita sebagai sebuah negara bangsa yang didiami oleh pelbagai rancangan masyarakat yang punya latar resam budaya, agama dan bahasa yang kompleks menangani permasalahan sosiologikal yang dinyatakan di atas? Permasalahan

sosiologikal yang dinukilkan di atas adalah merupakan sebahagian daripada fakta sosial Malaysia yang bersifat *at the tips of the iceberg* yang muncul dan terserlah ekoran daripada trajedi berdarah Lahad Datu. Sekiranya trajedi Lahad Datu tersebut tidak tercetus, kebarangkalian fakta sosial yang bersifat implisit itu tidak memunculkan dalam ruang sosial Malaysia dan hanya terpendam umpama "api di dalam sekam" yang jika dibiarkan mampu menggugat citra Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju.

Dalam konteks ini lah peranan ilmu sejarah dalam mendidik dan mensosialisasikan masyarakat Malaysia itu amat penting dan signifikan. Misalnya dalam konteks pemahaman sosiologikal dan persepsi kita berhubung dengan komuniti atau etnik Suluk perlu diperbetulkan. Dari sudut fakta sejarah samada yang dicatat oleh sumber kolonial seperti *Sandakan Herald Tribune*, mahupun tempatan khususnya Brunei, jelas menyatakan bahawa bangsa Suluk adalah orang tempatan yang bukan sahaja mendiami kawasan perairan timur Sabah semenjak sekian lama, tetapi juga merupakan kelompok yang menguasai dan mentadbir sebahagian kawasan tersebut dengan jolokan nama seperti Marudu, Magindora [Sandakan dan Lahad Datu masa kini] dan juga Tirun [Semporna dan juga Kunak]. Malah dalam banyak kegiatan dan perjanjian perekonomian yang ingin dilakukan oleh bangsa kolonial di kawasan tersebut, beberapa siri perjanjian telah dilakukan oleh pihak kolonial dengan pemimpin Suluk yang menguasai kawasan yang dinyatakan. Dalam erti kata lain, bangsa atau komuniti Suluk dalam konteks Malaysia masa kini adalah bukan golongan pendatang atau migran dari wilayah luar.

Pengukuhan fakta bahawa komuniti Suluk atau etnik Suluk adalah bukan bangsa pendatang dalam konteks hari ini dinyatakan dengan jelas dalam Ordinan Natif 1958 Kerajaan Negeri Sabah yang terpakai sehingga kini berhubung dengan pengkategorian masyarakat pribumi Sabah. Perkara 2 (1) (c) Ordinan Natif negeri Sabah 1958 berhubung dengan perihalan interpretasi natif-Sabah menyatakan seperti berikut:

*any person who is ordinarily resident in Sabah, is a member of the Suluk, Kagayan, Simona], Sibutu or Ubian people or of a people indigenous to the State of Sarawak or the State of Brunei, has lived as and been a member of a native community for a continuous period of three years preceding the date of his claim to be a native, has borne a good character throughout that period and whose (eta)' in Sabah is not limited under any of the Fromm" Of the Immigration Act 1959/63 [Act 155.] Provided that if one of such person's parents is or was a member of any such people and either lives or if deceased is buried or reputed to be buried In Sabah, then the qualijjring period shall be reduced to two years.*

Berdasarkan kepada fakta yang wujud dalam ordinan kerajaan Negeri Sabah tersebut, adalah jelas bahawa dari sudut perlembagaan negeri Sabah, etnik Suluk adalah bertaraf natif Sabah, iaitu sama tarafnya dengan etnik-etnik pribumi Sabah yang lain seperti Bajau, Brunei, Bisaya, Dusun, Murut dan lain-lain yang dikategorikan sebagai kelompok etnik natif Sabah.

Ini bermakna, kumpulan bersenjata yang mencetuskan tragedi berdarah di Lahad Datu setahun yang lalu tidak mempunyai apa-apa hubungan sosiologikal yang bersifat simbiosis dengan etnik Suluk Sabah. Adalah amat terpesong malah tidak benar sama sekali untuk mensinonimkan peristiwa atau trajedi berdarah Lahad Datu seumpama ungkapan "Tragedi Berdarah Lahad Datu adalah Suluk dan Suluk adalah Tragedi Berdarah Lahad Datu". Pembuktian penangkapan dan proses pendakwaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa Malaysia ke atas penceroboh bersenjata tersebut jelas membuktikan bahawa mereka adalah rakyat negara asing [Filipina] yang melakukan jenayah tersebut. Walaupun wujud unsur-unsur kerjasama masyarakat tempatan dalam mendalangi pencerobohan tersebut ianya tidak boleh dikonklusikan atau dikaitkan sebagai tindakan etnik Suluk.

Dalam erti kata lain, adalah amat penting sekali masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa dan kaum bukan sahaja memahami citra sejarah watannya sendiri tetapi juga harus punya tahap ilmu yang tepat berhubung dengan tanah air mereka sendiri. Perihalan atau ilmu yang tepat berhubung dengan tanah air sendiri adalah remedi yang paling ampuh dalam membina semangat nasionalisme negara-bangsa. Hal ini sangat tepat sebagaimana ungkapan patriotisme salah seorang kepimpinan masyarakat Suluk kepada saya, "kami bangsa Suluk jika di berikan senjata untuk bertempur dengan mereka [penceroboh bersenjata Lahad Datu] kami sanggup demi mempertahankan bumi Sabah ini yang bukan sahaja tanah air kami, tetapi juga adalah tanah tumpah dari kami".

Sosialisasi pendidikan sejarah negara atau sejarah watan amat penting untuk dipertingkatkan. Ini kerana, melalui proses sosialisasi sejarah setiap bangsa dan etnik di Malaysia mampu memperkukuhkan akal-budi rakyat Malaysia dalam mengenali dan memahami di antara satu sama lain. Tidak dinafikan bahawa pembukaan dan pembentukan Kawasan Keselamatan Khas Sabah (ESSCOM) dapat membantu dan mengawal keselamatan kedaulatan sempadan di kawasan berkenaan. Namun, pembentukan ESSCOM semata-mata tidak mencukupi untuk menangani permasalahan persempadanan Sabah. Elemen bukan keselamatan atau non-militeri juga perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya yang tinggal di kawasan sempadan, ini termasuklah di seluruh kawasan penempatan masyarakat sempadan di seluruh negara.

Biarpun isu tuntutan ke atas wilayah dan kesahihan sempadan merupakan isu politik peringkat makro yang lebih sensitif dan boleh menimbulkan ketegangan dan permusuhan antara negara jiran, pengalaman hidup harian komuniti di persempadanan juga merupakan sebahagian daripada isu persempadanan kerana

kesannya ke atas pembentukan dan pengukuhan sempadan sosial berasaskan pembentukan identiti dan kesetiaan nasional. Khususnya memahami kehidupan harian penduduk persempadanan adalah penting dan tidak boleh diabaikan kerana pembentukan komuniti persempadanan adalah manifestasi nyata yang muncul segera apabila penentuan sempadan politik antarabangsa ditentukan. Penentuan ini mendesak perubahan dalam kehidupan penduduk setempat di persempadanan serta mempunyai kesan ke atas pembentukan dan kedaulatan negara dan kerajaan yang berkuasa ke atas wilayah dan rakyatnya. Wilson dan Donnan (1998: 3), menegaskan:

*..the lives of border peoples and communities, has increasingly demonstrated the dialectical relationships between borders and their states relationships in which border regions often have a critical impact on the formation of nations and states.*

Pembentukan komuniti komuniti persempadanan adalah fenomena yang bersifat umum. Pewujudan sempadan politik yang merupakan unsur perundangan paling asas dalam pembentukan wilayah politik negara-negara moden di dunia, tidak dapat tidak telah menghasilkan komuniti-komuniti persempadanan antara negara-negara moden yang berkongsi sempadan politik wilayahnya. Kewujudan komuniti-komuniti ini adalah amat signifikan kepada negara-negara moden ini kerana pergerakan individu dan aktiviti merentasi sempadan politik kini tertakluk kepada kawalan undang-undang antarabangsa. Biarpun urusan pengawalan dikenakan ke atas penduduk persempadanan, namun pergerakan dan aktiviti merentasi sempadan yang tidak terkawal boleh dan biasa terjadi. Justeru menjadikan urusan pengawalan ini penting kerana pergerakan dan aktiviti merentasi sempadan memberi kesan ke atas hubungan antarabangsa, keselamatan dan kedaulatan negara dan pembangunan ekonomi. Pengawalan ini juga penting dalam usaha membentuk identiti dan kesetiaan kebangsaan dalam kalangan penduduk yang menjadi rakyat negara-negara moden ini.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini mempunyai tiga tujuan yang utama iaitu untuk:

1. Melihat faktor-faktor hakiki yang mendasari dalam membentuk *pandang-dunia* komuniti Suluk ESSZONE;
2. Mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemerintah dalam memperkukuhkan dan memperkemas aspek nasionalisme dan patriotisme dalam kalangan komuniti minoriti; dan
3. Memberikan beberapa pandangan dan saranan kepada pihak pemerintah dalam mengkonsolidasi persoalan kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat.

Atas premis untuk hanya mengkaji perkara-perkara yang disebutkan di atas, maka kajian ini tidak akan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang diluar daripada ruang lingkup yang disebutkan.

## Kaedah Kajian

Sebagaimana yang telah dinyatakan di peringkat awal perbincangan di atas, kajian ini adalah berkenaan aspek citra dan aspirasi politik dalam kalangan komuniti Suluk di kawasan ESSZONE yang meliputi pola tingkah laku sosio-politik komuniti tersebut di kawasan atau lokasi kajian. Aspek aspirasi dan citra politik yang diteliti menyentuh tiga bahagian yang utama iaitu: (1) Pengetahuan politik; (2) Pemahaman Politik; dan (3) Persepsi. Secara khususnya kajian ini adalah berkaitan dengan hubungan simbiosis tiga segi (*symbiosis-tripartite-relations*) antara aspek asas kenegaraan-kesedaran sejarah-masyarakat.

Bagi mendapatkan data dan maklumat untuk menjawab segala persoalan di atas, maka beberapa kaedah telah digunakan. Satu kaedah utama ialah melalui pengedaran soal-selidik mudah yang diedarkan di 3 daerah di ESSZONE. Soal selidik ini adalah dalam dua bentuk iaitu terbuka dan tertutup. Secara umumnya, sama ada dalam bentuk tertutup atau terbuka, antara soalan-soalan penting yang ditanya ialah: “adakah anda puas hati dengan sistem pemerintahan Malaysia”, “apakah yang anda sukai mengenai Malaysia”, “Demokrasi adalah sistem politik yang terbaik bagi Malaysia”, “Kerajaan berlaku adil kepada semua golongan rakyat”. Jenis soalan ini diberi keutamaan kerana tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran sikap dan tingkah laku sosiologi (masyarakat) terhadap persoalan citra dan aspirasi politik itu sendiri.

Bagi mendapatkan gambaran yang tepat kepada kajian ini, maka sejumlah 1,045 responden (masyarakat) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan taraf sosio-ekonomi telah dipilih secara rawak di kawasan kajian ESSZONE. Dari segi pemilihan *sample*, barangkali akan ada pendapat yang mengatakan ia tidak bersifat *representative* untuk mewakili pendapat “warga Suluk” tetapi dalam waktu yang terbatas dan sumber yang terhad, iumlah sebegini sudah dikira mencukupi untuk mengenal pasti faktor fundamental yang membentuk sikap dan tingkah laku sosiologi “warga Suluk” berkenaan citra dan aspirasi politik.

Bagi tujuan pengedaran soal-selidik, seramai 50 orang pelajar pasca-sarjana Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan 2 orang pembantu penyelidik telah dilantik untuk membantu tugas ini. Daripada 1,045 responden yang menjadi sasaran, kesemuanya dapat disempurnakan dengan baik dalam tempoh waktu kajian dijalankan. Biarpun masanya singkat untuk mendapatkan kutipan data, kajian ini dapat juga disempurnakan. Selain soal-selidik, kaedah temu bual juga digunakan. Dalam konteks ini, temu bual seboleh mungkin diadakan dengan segenap lapisan “warga Suluk” di kawasan kajian.

## **Teknik Analisis Data**

Data-data yang diperolehi melalui soal-selidik dianalisis secara kuantitatif deskriptif, iaitu dengan hanya menggunakan angka, peratusan dan jumlah sahaja. Bagi keterangan mengenai responden dan kategori responden yang dikaji, sama ada dari segi tingkat umur, jantina, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, jumlahnya bagi setiap kawasan parlimen dinyatakan dalam bentuk angka. Bagaimanapun apabila sampai ke peringkat melaporkan hasil kajian, hanya peratusan yang akan dinyatakan kerana cara ini dianggap lebih jelas daripada melaporkan angkanya.

Perlu juga dijelaskan di sini bahawa peratusan yang diberikan dibundarkan kepada perpuluhan yang hampir. Sebab itulah sekiranya percubaan dibuat untuk mendapatkan peratusan yang genap melalui kiraan peratusan yang diberi, ini mungkin tidak akan dapat dicapai setepatnya kerana angka dalam peratusan ini tidak dapat memberikan jumlah yang genap. Contohnya, apabila bilangan responden dibahagikan dengan jumlah responden darab 100 (bil. Responden B jumlah responden X 100), ia tidak akan memberikan jawapan dalam bentuk angka yang genap.

## **Latar Belakang Kawasan Kajian**

Menyentuh sedikit tentang daerah Lahad Datu, ia merupakan sebuah daerah yang terletak di Tenggara Sabah dan bersempadanan dengan daerah Kinabatangan di sebelah Timur Laut manakala Kunak, Semporna dan Tawau di sebelah Selatan (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2013). Dari segi keluasan. Lahad Datu mempunyai keluasan sebanyak 6,501 kilometer persegi atau 687,372 hektar meliputi daerah Tungku. Menurut bancian yang dibuat pada tahun 2010 jumlah penduduk daerah Lahad Datu termasuk Tungku ialah 195,865 orang.

Lahad Datu mempunyai bentuk muka bumi yang menarik dan pada masa yang sama ia membantu usaha kerajaan dari segi ekonomi. Salah satunya ialah bentuk geografi semulajadi Teluk Darvel dan keistimewaannya menjadikan Lahad Datu mempunyai pelabuhan yang selamat dari sebarang ancaman bencana alam kerana terlindung dengan Pulau Sakar. Seterusnya. Lahad Datu merupakan penyumbang sosio-ekonomi yang terbesar di Sabah untuk jangka masa panjang dengan hasil perladangan yang luas terutamanya dari sumber kelapa sawit dimana adanya pengwujudan *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) yang bertaraf dunia di sini. Sumber pertanian lain yang memberi sumbangan kepada ekonomi daerah ini termasuk kelapa kering, getah dan koko. Dari segi hasil laut seperti ikan, udang harimau, ketam dan rumpai laut juga merupakan salah satu sumber ekonomi di daerah ini. Kini Lahad Datu mempunyai dua kawasan pelancongan yang bertaraf dunia iaitu Lembah Danum dan Pusat Hidupan Liar Tabin yang sering kali dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negara (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2013).

Pemilihan Lahad Datu ini bersesuaian dengan letakannya di bawah jagaan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan ia sinonim dikaitkan dengan peristiwa pencerobohan Tandu yang mana terletak dalam daerah Lahad Datu. Untuk lebih mengkhusus, kajian ini tertumpu kepada petempatan komuniti Suluk yang terletak di Lahad Datu. Antara petempatan yang terlibat dalam kajian ini ialah Kg. Puyut, Kg. Lok Buani, Kg. Silam dan Kg. Tambisan. Dalam kajian ini, kaedah FGD, temubual dan edaran borang soal selidik telah digunakan bagi melihat bagaimana komuniti Suluk memartabat dan memelihara kesejahteraan hidup mereka. Pada masa yang sama, kaedah-kaedah kajian yang digunapakai ini dapat melihat apakah cabaran mereka dalam memelihara kesejahteraan hidup mereka. Kaedah yang digunapakai ini dianggap sebagai “ketajaman lidah” komuniti Suluk dalam menyampaikan mesej berkenaan isu dan harapan mereka dalam meningkatkan kualiti serta kesejahteraan hidup mereka.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulan, daripada apa yang diperolehi daripada lapangan di empat buah kampung sama ada secara FGD, temubual atau edaran borang soal selidik, didapati kehadiran komuniti Suluk ke Lahad Datu dapat dikaitkan dengan beberapa faktor. Faktor-faktor seperti ekoran peristiwa perang, ketidakstabilan politik dan ekonomi, serta penindasan agama yang berlaku di Selatan Filipina telah menjadi tunjang kepada keberadaan komuniti Suluk di Sabah. Dalam usaha mereka menggerakkan kesejahteraan hidup mereka di ruangan negara kita yang lebih baik berbanding di sana, ia dapat ini dikonkritkan dengan gelombang kehadiran komuniti Suluk ke Sabah bermula dari zaman Kesultanan Sulu sehinggalah gelombang sekarang (PATI).

Peristiwa pencerobohan Tandu yang menjadi titik hitam telah memberi impak kepada komuniti Suluk bumiputera. Rata-rata komuniti suluk bumiputera menyatakan rasa kecewa dengan tuduhan dan sentimen masyarakat berikutan peristiwa pencerobohan tersebut. Persepsi negatif masyarakat lain terhadap masyarakat Suluk telah mendatangi kesan kepada komuniti Suluk tempatan. Komuniti Suluk berharap agar masyarakat lain mengubah persepsi negatif mereka terhadap komuniti Suluk Untuk itu kerajaan haruslah peka dalam memelihara serta memartabatkan semula citra dan kesejahteraan hidup komuniti Suluk khususnya sebagai komuniti minoriti di Sabah ini.

Untuk itu, penting bagi kerajaan khususnya dalam mengidentifikasikan semula konsep serta pemecahan komuniti Suluk yang secara amnya terbahagi kepada dua iaitu Suluk tempatan dan Suluk pendatang (PATI). Untuk itu, perkara sebegini dapat dibezakan melalui pendekatan atau takrifan *everyday-define* melalui aspek budaya, bahasa, penampilan serta sifat santun mereka melalui cara dan pendekatan ini, ia dapat memberi pencerahan kepada komuniti lain dalam mengenali dan membezakan komuniti Suluk tempatan dan komuniti Suluk pendatang (PATI).



Namun demikian apa yang lebih penting ialah usaha antara komuniti itu sendiri dengan kerajaan dalam menekankan pembangunan komuniti Suluk. Pembangunan komuniti pada hakikatnya adalah proses peningkatan kualiti kehidupan masyarakat baik pada aspek sosial, budaya, politik mahupun ekonomi (B. Tamam Achda dan Anharuddin Komari, 2012). Proses ini menurut B. Tamam Achda dan Anharuddin Komari hendaklah dimulai dari bawah dengan mendahulukan penyertaan aktif komuniti. Hal ini kerana konsep pembangunan komuniti telah diadaptasikan oleh berbagai-bagai pihak dan diterjemahkan secara pelbagai oleh agen yang melakukannya. Lantaran itu, ia dapat merubah budaya pembangunan sosial yang pada dasarnya muncul sebagai reaksi terhadap konsep pembangunan ekonomi yang telah lama mendominasi "arus perdana" pembangunan.

Kesedaran sejarah dan ilmu berhubung dengan watan adalah amat penting sebagai alat atau medium bukan-keselamatan dalam proses mempertahankan keselamatan kedaulatan negara. Tragedi berdarah Lahad Datu antara lain memberi pengajaran yang sangat berguna kepada warga Malaysia bahawa dalam aspek mempertahankan keselamatan kedaulatan tidak hanya tertumpu kepada persoalan persenjataan, kecanggihan teknologi pertahanan atau ketumbukan ketenteraan, tetapi lebih dari itu, dan inilah yang harus kita teladani dan dijadikan sempadan melalui tragedi berdarah Lahad Datu dalam konteks mempertahankan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa.

### **Cadangan Kaiian**

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dilakukan terhadap aspek citra dan aspirasi politik dalam kalangan komuniti minoriti Suluk, pengkaji menemukan beberapa fakta sosial yang perlu diperkemaskan bagi pengukuhan dan pemantapan citra negara bangsa Malaysia:

- 1) Aspek citra dan aspirasi politik dalam kalangan komuniti minoriti tidak begitu diberikan perhatian yang "serius" dan "konstruktif". Contoh yang paling ketara adalah paling dipertanyakan tentang kemasyarakatan Sabah sering kali yang terpancar di minda masyarakat Malaysia yang begitu sinonim ialah "Kadazan-Dusun-Murut-Bajau". Walhal masyarakat Sabah itu seperti mana yang kita ketahui adalah bukan sekadar terbentuk dalam kalangan 4 kumpulan komuniti tersebut sahaja, dalam erti kata lain pengetahuan berkenaan komuniti-komuniti etnik Sabah yang lain perlu diangkat sejajar dengan proses pembentukan negara-bangsa Malaysia;
- 2) Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat kuat bahawa kajian dan pengetahuan berkenaan dengan komuniti minoriti di Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak harus dipertingkatkan agar "keberadaan" mereka terjelas dalam struktur sosial komuniti atau etnik-etnik lain di Malaysia. Perlu di peringkat disini bahawa kegagalan untuk mengangkat pengetahuan komuniti

minoriti boleh menjejaskan proses pembinaan negara bangsa. Kes yang sangat jelas di sini adalah pengalaman yang dilalui oleh negara Iraq terhadap komuniti Kurdis, Sri Lanka terhadap komuniti Tamil, Myanmar terhadap etnik Rohingya (sekadar beberapa contoh).

- 3) Jika di perhatikan secara geo-politik, rata-rata komuniti minoriti mendiami di kawasan perbatasan (sempadan); kawasan perbatasan adalah merupakan "pintu masuk" sesebuah negara-bangsa; komuniti-komuniti yang mendiami kawasan perbatasan punya peranan yang sangat signifikan, khususnya peranan yang membabitkan persoalan keselamatan persempadanan negara itu sendiri; jika, komuniti-komuniti minoriti sempadan ini tidak "diserapkan" ke dalam sistem sosio-politik negara atau mereka sendiri merasakan "terpinggir" ianya boleh mengundang impak keselamatan yang bersifat "non-tradisional" kepada negara itu sendiri;
- 4) Pembentukan pengetahuan Sabah yang bersifat "Sabah 101" perlu disegerakan.

## **Kesimpulan**

Tidak boleh kita nafikan sama sekali bahawa semenjak Sabah bersetuju untuk bersama sama entiti seperti Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Persekutuan Malaysia 50 tahun yang lalu bahawa taraf dan kualiti sosio-ekonomi Sabah adalah jauh lebih baik berbanding sebelumnya. Namun disebalik kesemua pencapaian tersebut, pertumbuhan dan perkembangan sosio-ekonomi Sabah masih terbelunggu dalam rantai ketidakseimbangan pembangunan wilayah diantara Sabah dan juga negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia disebalik anugerah sumber daya negeri yang tinggi kualitinya.

Justeru adalah menjadi tanggungjawab semua untuk merungkai belunggu ketidakseimbangan [citra & aspirasi politik] ini atau sering disebut sebagai isu pembangunan "tempang", "terpinggir" dan "tersisih" Sabah dalam konteks agenda pembangunan nasional, agar struktur Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang "*inclusive*" tetap kekal mandiri.